

03 NOV 2000

Mahathir-Bumiputera

BUMIPUTERA TAK BOLEH LAGI SALAHKAN PENJAJAH, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata golongan bumiputera tidak boleh lagi menyalahkan penjajah atau orang lain jika masih gagal mengubah nasib mereka.

Katanya, bumiputera mesti terus berusaha memajukan diri kerana tugas mengangkat martabat dan maruah bangsa harus dipikul oleh semua pihak dan tidak hanya oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan kerajaan sahaja.

"Selama empat setengah abad, kita dijajah dan disekat daripada menjayakan diri kita. Kita dihina dan diketepikan seolah-olah kita tidak ada hak sama-sekali.

"Tetapi sekarang kita sudah merdeka. Mungkin 43 tahun merdeka tidak mencukupi untuk mengubah bukan sahaja nasib tetapi juga kemajuan kita," katanya ketika berucap melancarkan perayaan jubli emas RIDA-MARA di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Dr Mahathir bagaimanapun menegaskan bahawa MARA yang ditugaskan untuk mengubah nasib orang Melayu dan bumiputera di negara ini masih relevan dan agendanya mesti diteruskan.

Dr Mahathir berkata, beliau masih belum berpuas hati dengan hasil yang dicapai melalui segala usaha dan perbelanjaan yang dibuat oleh MARA, walaupun berpuas hati dengan usaha-usaha yang telah dibuat agensi itu.

Bumiputera masih ketinggalan dalam hampir semua kegiatan ekonomi, walaupun MARA dan agensi serta dana lain diwujudkan untuk membantu Bumiputera.

Kalangan bumiputera sendiri katanya, harus menggunakan segala peluang dengan baik jika ingin mencapai kejayaan dengan berkesan melalui projek dan bantuan MARA.

Perbuatan menjual baja subsidi atau menyalahgunakan wang KWSP yang dikhaskan untuk beli komputer bagi tujuan belanja hangus yang lain, akan mengkhianati usaha kerajaan yang terbaru ini untuk mengimbangkan kedudukan ekonomi antara rakyat berbilang kaum di negara kita," katanya.

Sekarang kerajaan bimbang kerana hampir tidak ada kehadiran Bumiputera di pusat-pusat pertumbuhan baru kerana mereka kurang berminat dengan perniagaan runcit dan lebih berminat dengan kontrak kerajaan yang besar, yang menjanjikan pulangan tinggi dan cepat.

Sebab itu kerajaan memperkenalkan projek menggalakkan bumiputera menjalankan perniagaan runcit di bandar-bandar baru bagi mengelakkan rakyat pelbagai kaum daripada terpisah semula dan keadaan sosial yang tidak sihat.

Perdana Menteri berkata, MARA telah diberikan modal berbilion ringgit untuk membantu orang Melayu dan bumiputera lain dalam semua bidang tetapi prestasi yang dicapai tidak setimpal dengan usaha dan peruntukan yang diberi, malah kadang-kadang prestasinya lebih buruk.

Beliau berkata, hari ini ada yang tidak menghargai sama-sekali bantuan yang diberi, tidak berterima kasih, tidak bersyukur dan ada pula yang marah kerana pinjaman yang diberi dituntut supaya dibayar balik.

Yang amat malang ialah sikap itu dipupuk oleh pihak yang mempunyai kepentingan lain, yang lebih mengutamakan sasaran puak mereka daripada pencapaian orang Melayu seluruhnya.

"Saya sedar saya akan dikecam hebat kerana mendedahkan kesalahan kita orang Melayu dan bumiputera lain. Tetapi biarlah kecaman itu dilempar daripada melihat kaum bangsa sendiri ketinggalan semakin jauh ke belakang.

"Adalah tidak bertanggungjawab jika populariti diri diutamakan lebih daripada usaha memperbaiki keadaan dalam masyarakat bangsa sendiri,"

katanya.

Dr Mahathir berkata, MARA sudah menaja lebih 160,000 penuntut di institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negeri sejak 1966 dengan menghabiskan peruntukan kira-kira RM5 bilion.

Lebih 300,000 pula telah dilatih dan dididik di institusi pendidikan MARA di seluruh negara dan daripada segi kemudahan pembiayaan pula sejak 1951 semasa era RIDA hingga Ogos lepas, sebanyak RM1.2 bilion pinjaman telah dikeluarkan oleh MARA kepada lebih 129,000 orang.

Sebanyak 4,433 unit ruang niaga dan ruang kilang MARA pula disewa kepada peniaga dan pengusaha bumiputera di seluruh negara sementara ratusan ribu orang telah diberi latihan dan bimbingan keusahawanan.

Pada majlis itu beliau turut menyampaikan hadiah Tokoh RIDA-MARA kepada pengarah Institut Teknologi MARA yang pertama Tan Sri Arshad Ayob.

Beliau turut menyampaikan hadiah kepada pengerusi-pengerusi RIDA dan MARA serta ketua-ketua pengarah MARA.

Semasa bercakap kepada pemberita kemudian, beliau berkata, kerajaan akan mengkaji masalah dan sebab kepada kegagalan dalam matlamat memajukan bumiputera.

Sebagai contoh kerajaan perlu menyelidik mengapa pelajar lelaki cuma 35 peratus daripada jumlah pelajar bumiputera sekarang.

"Apakah penuntut lelaki sedang buat sekarang, apakah mereka sedang belajar di tempat lain, atau tidak belajar, itu kita tak tahu," katanya.

-- BERNAMA

AFY AHH NMO